



Rujukan kami : JPNS.SPP 600-7/12/8 (40) Jld. 3

Tarikh : 29 September 2021

Pengetua,
Sekolah-sekolah Menengah Negeri Selangor.

Melalui,

Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah,
Negeri Selangor.

Tuan,

**PERINGATAN TACARA PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN BAGI MATA PELAJARAN
DENGAN PENTAKSIRAN PUSAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) TINGKATAN 4 DAN 5
TAHUN 2021**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor ingin memaklumkan kepada semua Pengetua berkaitan dengan perkara di atas sebagai satu langkah peringatan dan penegasan agar tatacara pengurusan bagi calon berkenaan dapat dipatuhi sekiranya berlaku di sekolah.

...3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan tatacara pengurusan dan pengoperasian yang melibatkan pentaksiran pusat Tingkatan 4 dan 5 seperti LAMPIRAN A.

...4. Pihak tuan dimohon untuk menghantar maklum balas di LAMPIRAN B ke Pejabat Pendidikan Daerah sebelum 15 Oktober 2021. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Penolong PPD, Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan di Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing.

Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



Saya yang menjalankan amanah,

(HAJAH ANISMAH BINTI M. NOH)

Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Selangor.

NAR/NHI/21092021

“Jabatan Pendidikan Selangor Terbilang”



**TATACARA PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN BAGI
MATA PELAJARAN PENTAKSIRAN PUSAT SPM T4/T5 TAHUN 2021**

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.	Kes Calon Pindah	
1.1	Jangan padam atau hapus markah calon di Tingkatan 4 (T4) dalam Sistem Pengurusan Peperiksaan Atas Talian (SPPAT) semasa prapendaftaran.	S/U Peperiksaan
1.2	Calon berpindah sekolah SEBELUM 26 JULAI – calon akan menggunakan angka giliran BAHARU . Tanggungjawab mengisi markah kerja kursus Tingkatan 5 (T5) adalah pada SEKOLAH BAHARU. (CALON PINDAH PUSAT)	Pengetua S/U Peperiksaan
1.3	Calon berpindah sekolah SELEPAS 27 JULAI – calon akan menggunakan angka giliran LAMA . Tanggungjawab mengisi markah kerja kursus T5 adalah pada SEKOLAH LAMA. (CALON MENUMPANG)	Pengetua S/U Peperiksaan
2.	Kes 'T' (dalam keputusan SPM calon dianggap Tidak Hadir)	
2.1	Calon sekolah wajib melaksanakan kertas 1, kertas 2 dan kertas 3 (kerja kursus) sekiranya mendaftar mata pelajaran dengan pentaksiran pusat T4 / T5. Sekiranya calon tidak melaksana kerja kursus (kertas 3), markah 'T' akan dimasukkan ke dalam SPPAT. Simbol 'T' akan terpapar dalam slip keputusan SPM calon bagi mata pelajaran tersebut walaupun calon hadir peperiksaan bertulis untuk kertas 1 dan kertas 2.	Pengetua PKP S/U Peperiksaan
2.2	Calon yang berpindah hendaklah ditempatkan ke sekolah baru yang menawarkan mata pelajaran dengan Pentaksiran Pusat yang sama seperti di sekolah lama. Calon yang tidak melaksana kerja kursus semasa di T4, TIDAK BOLEH didaftarkan mengambil mata pelajaran tersebut semasa di T5.	SPS, JPNS UPS, PPD Pengetua
2.3	Calon yang baru mendaftar sebagai calon SPM T5 sama ada dari sekolah swasta, calon tidak pernah bersekolah atau calon belajar di sekolah yang tidak menawarkan sukatan pelajaran KPM sebelum ini, TIDAK BOLEH didaftarkan mengambil mata pelajaran yang ada kerja kursus di T4. Hal ini disebabkan markah calon T4 telah dimasukkan dalam SPPAT semasa berlakunya proses prapendaftaran di T4.	Pengetua PKP S/U Peperiksaan
3.	Jadual Kerja	
3.1	Pentaksiran Pusat (Kerja Kursus) hendaklah dilaksanakan dalam waktu PdPc/ PdPr dan hendaklah mematuhi Jadual Kerja LP, Jadual Kerja sekolah dan Jadual Kerja Guru Mata Pelajaran (GMP).	Ketua Panitia PKP GMP Pengetua
3.2	Calon yang mendaftar mata pelajaran dengan Kerja Kursus sebagai mata pelajaran tambahan perlu hadir sesi Pdpc/ Pdpr mengikut jadual yang ditetapkan untuk setiap mata pelajaran. (Ada jadual waktu untuk mata pelajaran tambahan secara formal).	Ketua Panitia PKP GMP Pengetua

4.	Langkah Keselamatan	
4.1	Surat kepada ibu bapa/ penjaga wajib dibuat untuk memaklumkan Jadual Kerja pelaksanaan kerja kursus dan mohon kerjasama ibu bapa/ penjaga mengingatkan serta memastikan keselamatan dan keberadaan anak mereka sepanjang tempoh pelaksanaan kerja kursus.	Ketua Panitia PKP Pengetua
4.2	Profil, produk dan borang markah hendaklah disimpan di dalam almari berkunci di tempat yang selamat dengan mematuhi arahan keselamatan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.	Pengetua PKP
5.	Pendaftaran Mata Pelajaran Pentaksiran Pusat SPM	
5.1	Sekolah boleh menawarkan mata pelajaran dengan Pentaksiran Pusat kepada calon sekiranya ada guru yang mengajar mata pelajaran berkenaan. Wajib ada guru yang mengajar kerana kerja kursus dilaksanakan dalam waktu PdPc/ PdpR.	Pengetua PKP

**BORANG MAKLUM BALAS PEMATUHAN TATACARA PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN
MATA PELAJARAN DENGAN PENTAKSIRAN PUSAT SPM TAHUN 2021**

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANDA ✓ PADA YANG BERKENAAN
1.	Kes Calon Pindah	Tiada	
		Dalam Proses	
2.1	Kes T dalam keputusan SPM calon dianggap tidak hadir)	Calon belum dimaklumkan tentang perkara ini.	
		Calon telah dimaklumkan tentang perkara ini di dalam PdPC / PdPR	
		Calon telah dimaklumkan tentang perkara ini di dalam Taklimat Pendaftaran SPM	
		Calon telah dimaklumkan tentang perkara ini dalam (nama program lain sekiranya ada)	
2.2	Kes T dalam keputusan SPM calon dianggap tidak hadir)	Ibu bapa belum dimaklumkan tentang perkara ini.	
		Ibu bapa telah dimaklumkan tentang perkara ini melalui surat rasmi	
		Ibu bapa telah dimaklumkan tentang perkara ini dalam Taklimat Ibu Bapa	
		Ibu bapa telah dimaklumkan tentang perkara ini dalam (nama program lain sekiranya ada)	

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANDA ✓ PADA YANG BERKENAAN
3.	Jadual Kerja	Setiap mata pelajaran dengan kerja kursus mempunyai Jadual Waktu Mata Pelajaran	
		Setiap mata pelajaran dengan kerja kursus mempunyai Jadual Kerja	
4.	Langkah Keselamatan & Tarikh Kerja Kursus	Ibu bapa belum dimaklumkan tentang perkara ini.	
		Ibu bapa telah dimaklumkan tentang perkara ini melalui surat rasmi	
		Ibu bapa telah dimaklumkan tentang perkara ini dalam Taklimat Ibu Bapa	
		Ibu bapa telah dimaklumkan tentang perkara ini dalam (nama program lain sekiranya ada)	
5	Pendaftaran Mata Pelajaran Pentaksiran Pusat SPM	Setiap mata pelajaran dengan kerja kursus mempunyai Guru Mata Pelajaran	
		Tiada calon belajar sendiri dan melaksana kerja kursus di luar waktu PdPc atau PdPr tanpa bimbingan GMP.	

(TANDATANGAN PENGETUA)

(CAP SEKOLAH)